

Headline	Baka jati terbaik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	2511 cm ²
Journalist	plfi ASHRIQ FAHMY AHMAD	AdValue	RM 50,083
Frequency	Daily	PR Value	RM 150,249



TAHUN UTUSAN

mega

 A large photograph of a person wearing a red helmet, light blue long-sleeved shirt, dark trousers, and a black safety harness with ropes. They are working on a very large, textured tree trunk. The background is filled with green foliage and branches. The person is leaning against the tree, focused on their task.

Baka jati terbaik

POKOK jati merupakan sumber balak yang bernilai tinggi. Di Malaysia pelbagai kajian dilaksanakan sejak tahun 1953 kini membawa hasil.

Headline	Baka jati terbaik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	2511 cm ²
Journalist	plfi ASHRIQ FAHMY AHMAD	AdValue	RM 50,083
Frequency	Daily	PR Value	RM 150,249

M&G Fokus

BASIRUN Bakar memberi penerangan berkenaan dirian jati yang ditanam oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPS).

Penyelidikan bantu naikkan imej jati

Antara kayu termahal dan mendapat permintaan yang tinggi

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
sains@utusan.com.my

JATI atau nama saintifiknya *Tectona grandis* merupakan antara pokok balak yang terkenal dengan kecantikan ira (urat) kayunya apabila dijadikan perabot dan ukiran klasik. Selain ira kayu yang cantik, jati juga boleh dikategorikan sebagai kayu balak sederhana berat menjadikan kayunya lasak dan mampu bertahan lama jika dijadikan sebagai perabot dan perhiasan.

Taburan jati kebiasaannya lebih tertumpu di kawasan utara tanah air, membawa sehingga ke Thailand dan Myanmar berikutnya suhu serta iklim yang sesuai untuk pokok tersebut.

Selain dua negara tersebut, Indonesia juga turut memiliki dirian jati yang banyak, malah negara tersebut juga banyak mengeksport perabot berasaskan kayu jati ke Malaysia. Oleh kerana potensi kayu jati amat tinggi di pasaran, kerajaan menerusi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) telah menjalankan kajian sejak tahun 1953 lagi.

Menurut Pengurus, Stesen

Antara penyelidikan yang dilakukan di stesen tersebut adalah penghasilan bahan tanaman berkualiti tinggi bagi jati dan spesies-spesies selain pokok plus dan klon-klon terpilih

Penyelidikan FRIM Mata Ayer (SPF Mata Ayer) **Mohd. Ramly Mohd. Salleh**, pohon jati hanya hidup subur di bahagian utara tanah air kerana kawasan tersebut mengalami musim panas, kering serta lembap yang nyata dalam setahun.

Ujarnya, oleh kerana Perlis merupakan antara negeri yang berada paling utara di samping keadaan iklimnya yang sesuai untuk pembibitan jati, sebuah stesen khas FRIM, (SPF Mata Ayer) telah dibina pada tahun 1974.

"Tujuan stesen ini ditubuhkan adalah untuk menjalankan penyelidikan dan pengumpulan maklumat berkenaan pokok jati."

"Stesen ini juga turut menyokong aktiviti membaik jati bagi penghasilan

bahan tanaman berkualiti tinggi," katanya ketika ditemui di SPF Mata Ayer, Perlis baru-baru ini.

Jelas Mohd. Ramly, pada asalnya stesen tersebut ditubuhkan di bawah Program Membaikbiak Benih Pinus caribaea di Hutan Simpan Mata Ayer, Perlis.

Hutan simpan tersebut meliputi kawasan seluas 455 hektar (ha) dan telah ditanam dengan dirian jati pertama pada tahun 1953 sebagai tanaman percubaan.

"Memandangkan potensi serta keadaan cuaca yang sesuai, satu perladangan berperingkat telah ditubuhkan beberapa tahun berikutnya.

"Kini terdapat hampir 300 hadirian jati telah ditanam dari pelbagai wilayah serta negara seperti Thailand, Indonesia, India, Papua New Guinea, Trinidad dan Sabah," katanya.

Antara penyelidikan yang dilakukan di stesen tersebut adalah penghasilan bahan tanaman berkualiti tinggi bagi jati dan spesies-spesies selain pokok plus dan klon-klon terpilih.

Selain itu, SPF Mata Ayer tersebut turut memiliki plot-plot pertumbuhan dan penghasilan jati, Araucaria spp., acacia, khaya, mahogany, yemane, shorea roxburghii, pokok sungai dan buluh.

Namun, tumpuan diberikan kepada jati yang mana kajian turut meliputi penubuhan kawasan penghasilan biji benih, fenologi, perosak dan penyakit serta ujian pancang untuk mengetahui ketahanan kayu."

Headline	Baka jati terbaik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	2511 cm ²
Journalist	plfi ASHRIQ FAHMY AHMAD	AdValue	RM 50,083
Frequency	Daily	PR Value	RM 150,249



SELAIN berfungsi sebagai sebuah pusat kajian, SPF Mata Ayer, FRIM di Kangar, Perlis ini juga menyediakan kawasan untuk orang awam melaksanakan pelbagai program.

Selain itu, SPF Mata Ayer turut memiliki sebuah bank klon jati untuk aktiviti kacukan dan pembiakan baka jati.

Pokok jati seperti mana yang kita ketahui memiliki nilai pasaran yang tinggi kerana kayunya berwarna perang keemasan, berkualiti dan sangat kukuh.

Dalam pembuatan perabot dan ukiran kayu, jati dikenali berdasarkan daya ketahanannya serta sejarah kayu tersebut yang sering digunakan dalam proses pembuatan kapal.

Ketinggian pokok jati mampu mencapai 30 hingga 40 meter dan ukur lilit batangnya boleh mencapai satu meter.

Spesies jati tergolong dalam keluarga Verbenaceae, berdaun lebar sekitar 30 hingga 40 sentimeter (sm) dan akan meluruh apabila tiba musim kemarau.

Bunga jati berwarna putih, bersaiz kecil manakala buahnya berwarna kuning serta mempunyai kelongsong keras mengandungi satu hingga tiga biji benih.

Dari segi perubatan serta khasiat, daun jati yang berwarna kekuningan diakui mampu merawat penyakit kencing manis, sakit sendi, dan juga darah tinggi.

Mengikut amalan tradisi, daun tersebut akan dibersihkan dan direbus sebelum airnya diminum tiga kali sehari.

Pembiahan dan perladangan jati di Perlis telah dilanjutkan sejak sekian lama, malah kerajaan negeri menerusi Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah menubuhkan hampir 625 ha ladang jati

atau lebih dikenali sebagai Kebut Jati di Sungai Cuchuh, Mukim Titi Tinggi, Jalan Padang Besar (U), Hutan Simpan Mata Ayer, Perlis.

Bagi memudahkan usaha penyelidikan dilakukan, SPF Mata Ayer turut dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur yang mencukupi untuk kakitangan, penyelidik serta pelawat.

Antara kemudahan yang disediakan adalah tapak semaihan, bahan tanaman bagi spesies terpilih untuk tujuan penyelidikan dan jualan.

Antara lain, SPF Mata Ayer juga turut memiliki petak demonstrasi, kawasan perkhemahan, titian kanopi, bangunan penginapan dan juga bilik seminar serta mesyuarat.



ANTARA contoh tanah yang terdapat di Muzium Jati , SPF Mata Ayer, Kangar, Perlis.



BASIRUN BAKAR



MOHD . RAMLY MOHD. SALLEH

Klasifikasi saintifik

- **Kingdom:** Plantae.
- **Order:** Lamiales.
- **Famili:** Verbenaceae.
- **Genus:** Tectona.
- **Spesies:** *Tectona grandis*.
- Pokok jati merupakan pohon yang mampu tumbuh sehingga mencapai ketinggian 40 meter (m).
- Daunnya berbentuk ovate-elliptic sehingga kepada bentuk 'ovate' dengan panjang 15-45 sentimeter (sm) dan lebar antara lapan dan 23 sm.
- Pokok jati boleh ditemui bermula di India, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Thailand, Laos.
- Kayu jati kebiasaannya dijadikan perabot, badan kapal, ukiran serta barang perhiasan kerana kayunya yang tahan lama dan lasak.

FokusMega

70 klon jati berjaya dihasilkan

SEHINGGA kini, sebanyak 70 klon jati yang berjaya dihasilkan dan menerima pengiktirafan daripada Malaysian Book of Records dengan jumlah klon jati terbanyak pada tahun lalu.

Di Malaysia, kajian dan pengembangan (R&D) telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di utara tanah air iaitu Perlis.

Penglibatan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam penyelidikan kayu jati adalah berikutan daripada permintaan tinggi dan sentiasa ada terhadap kayu jenis itu.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod berkata, bermula daripada permintaan yang konsisten, serta pencarian varieti (jenis) yang baik dari pelbagai negara seperti India, Myanmar Thailand dan Sri Lanka maka pusat germplasma di tubuhkan di Mesir.

"Ini kerana cuaca di Perlis, negeri yang bersempadan Thailand dengan musim keringnya daripada November hingga Februari, menghasilkan urat atau ira kayu yang cantik," katanya.

Oleh itu, usaha pembibitan termasuk mengacutkan benih yang ada, maka plot tanaman diwujudkan.

Pokok jati dikatakan merupakan antara kayu termahal di dunia, dan amat popular di sekitar negara-negara seperti India, Thailand, Myanmar, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Menurut Dr. Abd. Latif, pokok jati pertama yang ditanam di Perlis adalah pada tahun 1953 yang mana anak benihnya telah diambil dari Langkawi, Kedah.

Jelasnya, pemilihan Perlis sebagai kawasan R&D berasaskan faktor cuaca panas di samping kadar taburan hujan yang kurang, sekitar dua milimeter (mm) sepanjang tahun amat sesuai dengan pertumbuhan pokok jati.

"Seperti yang kita ketahui, pokok jati tumbuh secara semulajadi di

Thailand, justeru pemilihan Perlis yang berhampiran dengan negara asal pokok tersebut dilihat amat ideal.

Tambah Dr. Abd. Latif lagi, jati memerlukan musim kering dan panas bagi membentuk gejalang yang ketara ketika pokok tersebut membesar.

"Jika diperhatikan, banyak pokok jati ditanam sepanjang lebuh raya bermula dari utara tanah air sehingga ke selatan, namun hanya 'pokok' saja di kawasan utara dapat menghasilkan kayu dengan ira (urat kayu) yang cantik."

"Semakin ke selatan keadaan kayunya semakin kurang cantik dan kita mendapat kawasan selatan tanah air tidak sesuai untuk penanaman pokok jati," katanya.

Di Perlis, sebanyak 5,565 pokok jati telah ditanam dan dijadikan ikon kepada negeri tersebut.

Permintaan kayu jati yang tinggi untuk dijadikan perabot menjadikan perladangan pokok tersebut dilakukan secara meluas, namun jangka masa matang dari panjang merupakan cabaran terbesar.

"Kayu jati memiliki corak yang cantik di samping memiliki daya ketahanan yang amat tinggi dan sering dijadikan perabot, kayu landasan kereta api dan dek kapal."

"Malah, pokok jati dikatakan salah satu antara tujuh tumbuhan paling mahal di dunia," katanya.

Antara cabaran lain penanaman jati adalah untuk mendapatkan pokok yang tegak dan lurus kerana pokok jati akan bercabang apabila mula berbunga.

Bagi mengatasi masalah tersebut, FRIM sekitar tahun 2008 hingga 2009 berjaya mendapatkan pokok jati yang lurus dengan mengenakan tekanan terhadap genetik pokok tersebut.

Setelah mencapai ketinggian yang sesuai, sekitar enam kaki , tekanan yang dikenakan akan dikurangkan.

LAUPA JUNUS



TEKNIK memanjat merupakan antara kaedah terbaik untuk mendapatkan biji benih jati yang berkualiti tinggi.